

Fauzi nafi campur tangan Sultan Pahang

UM 4 APR 2001

Oleh SAMSOR JUNET

KUANTAN 3 April — Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman menafikan khabar-khabar angin bahawa Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah telah memintanya menarik balik surat peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Beserah.

Sebaliknya, beliau berkata, Sultan Pahang langsung tidak campur tangan dalam soal itu.

Ketika dihubungi hari ini, beliau berkata:

“Khabar-khabar angin itu tidak benar sama sekali. Saya menafikannya.

“Sultan Pahang langsung tidak campur tangan terhadap urusan peletakan jawatan saya. Baginda sebaliknya hanya

mahu mendengar daripada mulut saya sendiri apa yang sebenarnya berlaku.”

Sehubungan itu, beliau tidak mahu disangka buruk oleh mana-mana pihak berhubung isu peletakan jawatannya itu.

Fauzi menyatakan demikian ketika diminta mengulas desas-desus bahawa Sultan Pahang dikatakan campur tangan dengan memintanya menarik balik surat peletakan jawatannya itu.

Baru-baru ini, Fauzi mengaku telah dipanggil oleh Sultan Pahang menghadap di Istana Mahkota di sini dan menasihatkannya supaya mengutamakan keharmonian negeri ekoran keputusannya mahu meletakkan jawatan.

Dalam pertemuan berkenaan, Sultan Ahmad Shah begitu prihatin deng-

an isu tersebut dan tidak mahu timbul perpecahan di kalangan rakyat.

Mengulas lanjut, Fauzi berkata, pertemuan berkenaan merupakan pertemuan menjunjung kasih di antara seorang rakyat dan sultannya apabila dikehendaki berbuat demikian.

“Saya bersyukur dapat berjumya baginda Sultan Pahang, tidak ada langsung baginda meminta saya berbuat demikian (menarik balik), tak ada,” tegasnya.

Fauzi turut ditanya kenapa salinan surat peletakan jawatannya tidak dihantar kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang jika beliau benar-benar hendak meletakkan jawatan.

Katanya, perkara itu berlaku kerana Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk

Seri Adnan Yaakob masih belum membuat keputusan sama ada menerima atau menolak surat peletakan jawatan tersebut.

“Surat peletakan jawatan itu dihantar kepada Adnan dan bola kini di kakinya, sama ada hendak menerima peletakan jawatan saya atau sebaliknya. Saya wakil rakyatnya, saya ikut dia,” tegas beliau.

Baru-baru ini, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Fauzi patut menghantar surat peletakan jawatan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang jika beliau berhasrat melepas jawatannya itu.

Mengenai keputusan akhir pemilihan cawangan-cawangan yang menyaksikan beliau hanya menda-

pat 10 pencalonan, katanya beliau bersyukur dan akur dengan keputusan itu.

“Saya bersyukur dan akur dengan keputusan itu dan saya mengucapkan syabas kepada mereka yang terpilih untuk memimpin bahagian ini,” katanya.

Pemilihan bahagian Kuantan bagaimanapun tidak boleh diadakan kerana Majlis Tertinggi (MT) UMNO telah membuat keputusan menggantung bahagian itu sehingga siasatan dakwaan Fauzi selesai.

Secara keseluruhan Fauzi menerima 10 pencalonan manakala Naib Ketua Bahagian berkenaan, Datuk Faisal Abdullah memperoleh 31 bahagian manakala Datuk Wan Adnan Wan Mamat pula 24 pencalonan.